



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (15 APRIL 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menzahirkan rasa kecewanya dengan laporan media berhubung isu majikan yang didakwa memukul, mendera dan mengancam dua orang pekerjanya dengan senjata kerana mereka berpuasa pada bulan Ramadan yang bermula pada awal minggu ini. Tindakan sebegini sudah tentu tidak memberikan motivasi kepada pekerja untuk bekerja lebih kuat atau mempromosikan persekitaran pekerjaan yang sihat sebaliknya ia meningkatkan lagi persepsi negatif terhadap majikan dan syarikat di Malaysia yang tidak melindungi dan menghormati hak pekerja. SUHAKAM menggesa agar pihak berkuasa menjalankan siasatan yang terperinci supaya pesalah didakwa atas tuduhan menyerang, memukul dan kesalahan undang-undang yang lain.

Selaras dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa “Setiap orang mempunyai hak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya”, SUHAKAM ingin menjelaskan akan kepentingan untuk menghormati kebebasan setiap orang untuk menjalankan tuntutan atau kepercayaan melalui anutan, amalan serta ajaran agama mereka dan tiada sesiapa yang boleh dipukul, dihina atau diaibkan kerana melaksanakannya.

Dalam hal ini, majikan perlu menghormati kebebasan agama atau kepercayaan, termasuk hak pekerja untuk mengakui, untuk menzahirkan kepercayaan dalam bersembahyang, perayaan, amalan dan ajaran agama mereka walaupun di tempat kerja. SUHAKAM dengan tegas menggesa setiap sektor atau industri untuk memastikan agar langkah-langkah sewajarnya diambil bagi menghalang dan menghapuskan segala bentuk sikap tidak bertoleransi terhadap agama, ketidaksamaan dan diskriminasi. SUHAKAM ingin menekankan akan keperluan untuk kita menyemai budaya hormat menghormati, bertolak ansur, kesaksamaan dan tidak mendiskriminasi dalam masyarakat dan setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan untuk mewujudkan persekitaran yang saling menghormati dan meraikan kepelbagaian agama.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**15 April 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)*